

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN ANYI NGAU**  
**[BARAM]**  
**TARIKH : 11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 4**

**Y.B. TUAN ANYI NGAU [ BARAM ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan peruntukan tahunan untuk tujuan MARRIS di Sarawak dan jarak jalan yang diselenggarakan. Nyatakan SOP untuk melayakkan sesebuah jalan agar diselenggarakan di bawah peruntukan MARRIS.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat, Pemberian Penyelenggaraan Jalan Negeri (MARRIS) disediakan berdasarkan peruntukan Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan dan dikira mengikut Peruntukan Bahagian II Jadual Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan. Ia bertujuan untuk membantu Kerajaan Negeri menyelenggara jalan raya negeri, jalan raya bandaran, jalan kawasan perumahan kos rendah, lorong belakang, jalan kampung, jalan pertanian dan jalan pulau pelancongan. Bagi melayakkan negeri-negeri menerima peruntukan MARRIS, jalan-jalan di negeri masing-masing perlu didaftarkan di dalam Sistem MARRIS Online.

Peruntukan MARRIS yang telah disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Negeri Sarawak pada tahun 2018 adalah berjumlah RM872.5 juta. Pemberian MARRIS disalurkan terus kepada Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri Sarawak. Pengagihan peruntukan MARRIS kepada agensi pelaksana penyelenggaraan dan jarak jalan yang diselenggara adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.